

FAKULTI SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN, UKM

BATA MERAH

EDISI KONVOKESYEN

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS




Preti Kaur Gill

Graduan Program Komunikasi Media

**Penerima
Anugerah
Pelajaran DiRaja**

Majlis
Konvokesyen
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



OKTOBER - DISEMBER

2024

ISIKAWDUNGAN



EDITOR

Dr. Hasrul Hashim
 En. Akmal Arfan
 En. Faris Aiman

ALAMAT

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 (FSSK) Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600, Bangi Selangor Darul Ehsan,
 Malaysia

HUBUNGI

www.dfssk@ukm.edu.my

+6 (03) 8921 5354
 (Pejabat Kedekanan)

+6 (03) 8921 4741
 (Sekreteriat Prasiswazah)

+6 (03) 8921 5144
 (Sekreteriat Siswazah)

Ikuti kami:

- [facebook.com/ukmfssk](https://www.facebook.com/ukmfssk)
- [instagram.com/fsskukm](https://www.instagram.com/fsskukm)
- [tiktok.com/fssukm](https://www.tiktok.com/fssukm)
- x.com/officialfsskukm
- [youtube.com/fssktv](https://www.youtube.com/fssktv)



PRETI KAUR GILL

03. Terima Anugerah Pelajaran DiRaja

SKIMXVIII 2024

05. FSSK dan FISIP UNPAD Rintis Jalan Integrasi dan Kemakmuran Serantau di SKIMXVIII 2024

PSIKOLOGI KOREKSIONAL

07. Konvensyen Psikologi Koreksional Kebangsaan 2024

KOSIMA 2024

08. Kolokium Siswazah Bitara Melayu 2024
 Wadah Pembangunan Nilai Ihsan



SEMANGAT MARA MEMBARA

09. Minggu Apresiasi Watan 2024

MAKAN@FSSK

11. Wajah Baharu Ruang Niaga FSSK

JOMCHECK & UNESCO

12. Forum Literasi Media & Informasi

AKTIVITI@FSSK

13. Forum Literasi Media & Informasi

MAG2024

15. Majlis Anugerah Gemilang 2024
 Meraikan Kecemerlangan Dalam Warna



LAWATAN-LAWATAN

17. Lawatan-lawatan ke FSSK



PRETI KAUR GILL

Graduan Program Komunikasi Media, FSSK

Terima Anugerah Pelajaran DiRaja

Berkat usaha gigih dan dedikasi yang berterusan telah meletakkan Preti Kaur Gill A/P Jagjit Singh Gill, graduan program Komunikasi Media, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan sebagai salah seorang penerima Anugerah Pelajaran DiRaja bersempena Majlis Konvokesyen UKM ke-52.

Pengalaman pembelajaran di FSSK ternyata berjaya membentuk insan hebat ini untuk merangkul anugerah utama berkenaan. Sebelum ini, Preti aktif mencari pengalaman di dalam bidang penyiaran apabila telah terpilih sebagai salah seorang Top 5 pencarian juruhebah radio Molek FM dan membintangi siri drama "Bawah Blok" di TV3. Selain itu, gadis kelahiran Terengganu ini juga pernah membintangi drama "ID57" dan "The Lion Girl" di Astro, serta aktif sebagai pengacara digital untuk sebuah produksi swasta.

Selain pencapaian yang cemerlang dalam bidang akademik, penglibatannya dalam Kelab UKM Ambassador dan Kelab UNESCO juga turut mengasah kemahiran berkomunikasi dan kepimpinan yang menjadi titik mula kepada kejayaan beliau dalam bidang penyiaran.

Di peringkat antarabangsa, Preti turut mewakili Malaysia ke UGM-AUN SUMMER CAMP 2024 di Indonesia dan Persidangan Association of Universities of Asia and the Pacific (AUAP) di Thailand.

Di samping itu, Preti, yang bercita-cita untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Kedoktoran, mengakui bahawa ilmu dan pengalaman yang diperolehnya di FSSK telah menjadi landasan kepada segala pencapaiannya. Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Prof Madya Dr. Abdul Latiff Ahmad, pensyarah yang memperkenalkan beliau kepada Kelab UKM Ambassador dan memainkan peranan penting dalam membentuk jati dirinya serta membuka ruang untuk beliau mengejar impian.



Ucapan Naib Canselor



Konvokesyen



Prof. Dekan

“**Saya berharap agar SKIMXVIII 2024 tidak menjadi pertemuan terakhir antara UNPAD dan UKM dalam melebar luaskan lagi jalinan dan kerjasama akademik.**”

Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub, Dekan FSSK



Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia (SKIMXVIII 2024) telah berlangsung dengan jayanya pada 23 hingga 24 Oktober 2024 di Bangi, Selangor. Persidangan dwitahunan ini merupakan platform penting yang dianjurkan secara bergilir sejak tahun 1985 oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universitas Padjadjaran (UNPAD), Indonesia. Dengan bertemakan Asia Tenggara: Cabaran Integrasi Inklusif, Pembangunan Manusia & Keamanan Serantau, SKIMXVIII 2024 memberi peluang kepada para ilmuwan dari kedua-dua negara untuk membentangi & berkongsi hasil kajian mereka dalam pelbagai sub-tema yang relevan bertujuan untuk mewujudkan kesejahteraan dan kemakmuran serantau.

SKIMXVIII 2024 menjadi ruang untuk para akademik dan penyelidik berkumpul, saling bertukar idea dan membincangkan pelbagai isu seperti kebudayaan, sosioekonomi, serta pembangunan mampan di Asia Tenggara. Dengan sebanyak 120 kertas kerja yang dibentangkan, persidangan ini bukan sahaja memberi manfaat besar kepada komuniti akademik, tetapi juga kepada masyarakat serantau secara keseluruhan.

FSSK dan FISIP UNPAD Rintis Jalan Integrasi dan Kemakmuran Serantau di SKIMXVIII 2024

Sesi ucapan pertama bagi SKIMXVIII 2024 telah disampaikan oleh Prof. Dr. Widya Setiabudi Sumadinata, Dekan Fakultas Ilmu Sosial & Ilmu Politik (FISIP), UNPAD, dengan tajuk 'Pembinaan Keamanan melalui Kolaborasi Komuniti Epistemik: Inisiatif Pembelajaran Silang dan Bina Kapasiti di kalangan Institusi Pengajian Tinggi di Asia Tenggara'. Sesi ucapan kedua pula menampilkan Prof. Dr. Sugimoto Ichiro, Dekan Fakulti Seni Liberal Antarabangsa dari Soka University, Jepun yang juga turut berkongsi hasil kajian yang beliau lakukan bertajuk "Penelitian Semula Zaman Kolonial dengan Indikator dan Data Ekonomi".

Selain itu, turut diadakan sesi forum khas bertajuk "Cabaran kepada hubungan Malaysia-Indonesia: Dalam Mencari Keamanan dan Kemakmuran Bersama". Sesi khas ini membariskan pakar-pakar dari FSSK dan FISIP iaitu Prof. Dr. Ravichandran K. Dhakshinamoorthy dari UKM, Prof. Dr. Zarina@Zairina Othman dari UKM dan Prof. Dr. Ida Widianingsih dari UNPAD.

Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub, Dekan FSSK, berharap agar SKIMXVIII 2024 tidak menjadi pertemuan terakhir antara UNPAD dan UKM dalam melebar luaskan lagi jalinan dan kerjasama akademik. Menurut beliau, simposium ini seharusnya menjadi titik permulaan bagi jalinan kerjasama yang lebih erat di antara kedua-dua institusi, yang berpotensi membentuk negara yang lebih maju dan makmur serta menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Dengan sambutan yang positif, persidangan ini diharapkan dapat terus membuka ruang kepada kolaborasi antara pelbagai institusi di Asia Tenggara, demi membina masa depan yang lebih baik di rantau ini.

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) komited untuk terus mengukuhkan hubungan akademik dan penyelidikan antara UKM dan UNPAD, selain membuka ruang kepada kolaborasi yang lebih luas yang melibatkan institusi-institusi lain di rantau Asia Tenggara.





Konvensyen Psikologi Koreksional Kebangsaan 2024

Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan (PsiTra) FSSK UKM telah menganjurkan Konvensyen Psikologi Koreksional Kebangsaan 2024 yang berlangsung dari 14 hingga 15 Oktober 2024 di Dewan Perdana FSSK, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dengan mengangkat tema “Psikologi Koreksional Membangun Peradaban Budaya Kemanusiaan” konvensyen ini menekankan kepentingan psikologi koreksional sebagai asas bagi masyarakat yang lebih berperikemanusiaan dan harmoni. Konvensyen tahunan ini diadakan bersempena dengan sambutan Bulan Kaunseling Negara dan majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Dalam Negeri, YBhg. Datuk Dr. Abdul Gapar bin Haji Abu Bakar. Konvensyen ini telah berjaya mengumpulkan pengamal psikologi/kaunseling dalam bidang psikologi koreksional dari pelbagai agensi seperti Jabatan Penjara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), serta ahli akademik dari UKM.

Tujuan utama konvensyen ini adalah sebagai ruang pertemuan strategik untuk para pengamal kaunseling dan psikologi berkongsi kepakaran, pengalaman dan pengetahuan terkini dalam pengurusan kes di institusi penjara dan agensi keselamatan. Perkongsian juga turut meliputi pelbagai dimensi psikologi dan pemulihan, serta pendekatan intervensi yang lebih efektif untuk mempertingkatkan kesejahteraan klien atau bekas banduan.

Selain itu, konvensyen ini turut memperkasakan pegawai dan kakitangan dengan pengetahuan serta kemahiran baharu untuk menguruskan kes dan klien dengan lebih berkesan. Dalam bidang psikologi koreksional, pendekatan berkualiti dan intervensi yang tepat amat diperlukan untuk mengurangkan risiko berulangnya tingkah laku negatif dalam kalangan bekas banduan dan klien. Dengan latihan dan perbincangan yang dikendalikan dalam konvensyen ini, peserta diharap dapat meningkatkan kesedaran dan pemahaman terhadap pendekatan psikologi koreksional yang inovatif dan berkesan seiring dengan matlamat tema konvensyen iaitu membangunkan budaya kemanusiaan yang lebih baik dalam masyarakat.



Kolokium Siswazah Bitara Melayu 2024 Wadah Pembangunan Nilai Ihsan

Ilmu pengetahuan adalah asas kepada kemajuan dan pembangunan masyarakat manakala ruang perbincangan seperti kolokium memainkan peranan penting dalam memperkukuh budaya ilmiah ini serta wadah perkongsian ilmu. Menyedari akan hal tersebut, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU) telah mengadakan Kolokium Siswazah Bitara Melayu (KOSIMA 2024) di Dewan Perdana FSSK, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 6 November 2024.



KOSIMA 2024 merupakan sebuah pertandingan yang menjadi pentas bagi para penuntut siswazah pusat berkenaan untuk membentangkan cadangan penyelidikan atau hasil penyelidikan yang sedang dijalankan samada di peringkat sarjana atau doktor falsafah.

KOSIMA 2024 pada kali ini mengangkat tema “Penyelidikan Berkualiti Menjana Pembangunan Ihsan” yang menekankan hubungan erat antara kecemerlangan akademik dan nilai-nilai kemanusiaan dalam pembangunan masyarakat. Melalui pembentangan ini, pelajar dapat memperhalusi kajian mereka dengan mendapatkan maklum balas membina serta nasihat berkaitan kajian daripada panel penilai dan rakan penyelidik.

Selain menjadi medan pembentangan, kolokium ini juga membuka ruang perbincangan mengenai isu-isu dan perkembangan terkini dalam penyelidikan berkaitan bahasa, sastera, dan budaya Melayu. Dalam suasana yang ilmiah, peserta kolokium dapat meneliti serta membincangkan cabaran yang dihadapi oleh bidang Pengajian Melayu dalam konteks moden, yang sekaligus memperkaya pengetahuan dan membuka minda kepada perspektif baharu.





Minggu Apresiasi Watan (MAW)

Semangat Mara Membara

Setiap kali menerima kehadiran mahasiswa baharu, FSSK sentiasa memberikan sambutan yang unik dan diluar jangkaan. Bagi sesi kali ini Minggu Apresiasi Watan (MAW) bertemakan "Mara Membara" bagi menonjolkan semangat keazaman yang kuat dalam menimba ilmu pengetahuan, membentuk keyakinan diri yang kukuh, motivasi yang kuat dan keinginan untuk mencapai kejayaan meskipun menghadapi cabaran mahupun rintangan.



Bagi sesi akademik 2024/2025 FSSK telah menerima hampir 900 orang mahasiswa baharu yang melanjutkan pengajian di 12 program prasiswazah termasuk pelajar antarabangsa UKMi. Pada majlis MAW@FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub tampil berani melakukan aksi 'wall climbing' turun dari bangunan dengan mengenakan pakaian beruniform.



Keunikan ini diharapkan bukan sahaja membakar semangat generasi muda untuk terus bergerak maju, tetapi juga memberi inspirasi kepada mereka untuk menjadi penggerak utama dalam perubahan yang berpotensi membawa negara ke arah kemajuan.





Wajah Baharu

Makan @FSSK

Pembangunan dan menambah baik fasiliti kepada pelajar dan kakitangan adalah merupakan antara agenda utama di dalam Pelan Strategik FSSK.

Hasilnya hari ini ruang keusahawanan yang menampilkan gerai-gerai makanan di FSSK telah berubah wajah dan dikenali sebagai "Makan@FSSK" hasil inisiatif Sekretariat Keusahawanan & Kreativiti FSSK. "Makan@FSSK" menampilkan landskap dan ruang niaga baharu yang lebih moden khusus untuk para pelajar FSSK.

Ruang niaga yang diwujudkan turut membuka ruang kepada para mahasiswa yang ingin membuka perniagaan.

Jom Makan@FSSK!



JomCheck & UNESCO Anjur Forum Literasi Media & Informasi

Bersempena dengan Minggu Literasi Media dan Informasi Global, JomCheck Malaysia dengan kerjasama UNESCO telah menganjurkan forum literasi media dan informasi yang bertemakan "Navigating Truth in the Digital Age: Empowering Global Citizens through Media and Information Literacy" pada 22 Oktober 2024.

Dengan menampilkan panel-panel antarabangsa, dan dihadiri oleh lebih 200 orang pelajar, forum ini bertujuan meningkatkan kesedaran global tentang pentingnya literasi media dalam menghadapi penyebaran maklumat palsu dan mempromosikan kewarganegaraan digital. Panelis forum ini terdiri daripada Ms. Surabhi Malik daripada Google News Lab Lead, Norman Goh, daripada Nikkei Asia, Malaysia Bureau, Prof. Madya Dr. Sabariah Mohamed Salleh daripada FSSK dan dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Abdul Latiff Ahmad dari Pusat Kajian Media & Komunikasi (MENTION). Hadir sama pada sesi forum ini adalah Ketua Unit Komunikasi & Maklumat UNESCO Jakarta, Ms. Ana Lomtadze.

Menurut Ana, kolaborasi antara UNESCO dan JomCheck Malaysia adalah penting kerana UNESCO melihat universiti dan belia sebagai pemain utama dalam menyediakan kandungan pendidikan bagi memupuk literasi media dan maklumat (MIL) dan menjadi penggerak dalam mengamalkan penggunaan maklumat yang bertanggungjawab serta menangani kandungan berbahaya. Pendekatan ini seiring dengan nilai hak asasi manusia, yang menekankan keperluan untuk menggunakan maklumat secara beretika dan selamat.

Selain forum, sesi perkongsian pelajar dan pertandingan KCLICK *Explore Race* turut diadakan sebagai pendekatan unik dalam menerapkan ilmu literasi media, khususnya dalam menyemak fakta dan memastikan kesahihan maklumat. Aktiviti ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada situasi sebenar penyebaran maklumat palsu yang berlaku hari ini serta membentuk pemahaman kritis dalam menilai kesahihan sesuatu maklumat.



Program Jejak Tanpa Dadah

Program Jejak Tanpa Dadah bertujuan untuk memberikan kesedaran mengenai bahaya penyalahgunaan dadah kepada pelajar dan komuniti melalui pendekatan pendidikan, pencegahan, dan bimbingan. Ceramah telah disampaikan oleh Encik Herman bin Mohlisi, Penolong Pegawai AADK Daerah Sepang yang merupakan alumni FSSK.



Pameran Dialektologi PKBL

Pelajar Program Linguistik tahun akhir Pusat Kajian Bahasa & Linguistik (PKBL) telah mengajurkan Pameran Dialektologi pada 18-20 Disember 2024 sebagai usaha untuk menyebarkan keunikan dan kepentingan dialek dan bahasa kepada masyarakat. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti pameran, pembentangan poster dan persembahan kebudayaan. Aktiviti turut diserikan dengan penglibatan para pelajar mobiliti daripada Universitas Andalas Indonesia.



MAG2024

Meraikan Kecemerlangan Dalam Warna

Bertemakan 'Meraikan Kecemerlangan Dalam Warna' dan Bollywood, Majlis Anugerah Gemilang (MAG2024) berlangsung dengan penuh warna-warni pada 20 Disember 2024 di Bangi Avenue Convention Centre. Sebanyak 27 anugerah kecemerlangan telah disampaikan kepada para pemenang dan hadirin telah dihiburkan dengan persembahan-persembahan penuh bertenaga daripada semua pusat kajian dan pejabat kedekanan. Majlis telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub, Dekan FSSK.



Lawatan-lawatan ke FSSK



**Fakultas Kedokteran,
Universitas Hassanuddin, Indonesia**
21 Oktober 2024

Sesi lawatan daripada Program Studi Psikologi Fakultas Kedokteran, Universitas Hassanuddin, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 21 Oktober 2024 bagi membincangkan program pascasiswazah FSSK UKM khususnya tentang program psikologi dan pelbagai lagi kerjasama teknikal antara kedua-dua buah institusi.



**Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik,
Universitas Hassanuddin, Indonesia**
22 Oktober 2024

Sesi lawatan daripada Bahagian Hubungan Antarabangsa, Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik (FISIP), Universitas Hassanuddin (UNHAS), Indonesia ke FSSK UKM pada 22 Oktober 2024 bagi membincangkan tentang hala tuju pembangunan penyelidikan antara UKM dan UNHAS serta membincangkan tentang Pelajar Program Kedokteran Indonesia yang sedang menuntut di FSSK yang berfokus kepada isu keselamatan di rantau Asia Tenggara.



**Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik,
Universitas Atma Jaya Yogyakarta**
25 Oktober 2024

Sesi lawatan daripada Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Atma Jaya Yogyakarta, Indonesia ke FSSK UKM pada 25 Oktober 2024 bertujuan untuk mewujudkan kerjasama seperti pertukaran pelajar dan penerjemah, kerjasama dalam penyelidikan dan khidmat masyarakat.



**Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik,
Universitas Malikussaleh, Aceh**

Sesi lawatan penanda aras daripada Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Malikussaleh, Aceh, Indonesia ke FSSK UKM bagi membincangkan tentang pertukaran penerjemah dan pelajar di antara FSSK UKM dan FISIP UNIMAL dan ruang untuk berkolaborasi bersama dalam pelbagai bidang akademik serta persidangan antarabangsa bersama.



**Program Pengajian Pendidikan Sejarah,
Universitas Pendidikan Indonesia**
12 November 2024

Kunjungan daripada Program Pengajian Pendidikan Sejarah, Fakultas Ilmu Sosial, Universitas Pendidikan Indonesia ke FSSK UKM pada 12 November 2024 untuk membincangkan tentang kerjasama antara program khususnya Program Pengajian Sejarah bersama Pusat Kajian Sejarah Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA)



Universitas Hassanuddin, Indonesia

Kunjungan daripada Universitas Hassanuddin ke Pusat Kajian Media & Komunikasi (MENTION), FSSK UKM bagi membincangkan kerjasama dalam program khidmat masyarakat antarabangsa atau kuliah kerja nyata (KKN) di mana pelajar daripada kedua-dua institusi boleh menyertai projek dalam menangani isu sosial dan alam sekitar, memupuk pertukaran budaya, dan menyokong pembangunan mampan.



UTM
Universiti Teknologi Malaysia
Pusat Kesihatan,
Universiti Teknologi Malaysia
13 November 2024

Lawatan penanda aras dari pusat kesihatan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor ke PSITRA Klinik Psikologi dan Konsultasi (PKPK) pada 13 November 2024



Universiti Malaysia Sabah
Lawatan Penanda Aras
Universiti Malaysia Sabah
13 November 2024

Lawatan penanda aras dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) Sabah ke Pusat PSITRA Klinik Psikologi dan Konsultasi (PKPK) pada 13 November 2024



Universitas Hasanuddin
Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik,
Universitas Hasanuddin, Indonesia
14 November 2024

Kunjungan daripada Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Hasanuddin, Indonesia ke FSSK UKM pada 14 November 2024 bagi membincangkan kerjasama dalam pertukaran pelajar dan pensyarah, serta penyelidikan bersama dalam bidang dasar dan pengurusan awam. Selain itu, terdapat penganjuran mini kolokium yang melibatkan pembentangan hasil kajian oleh pensyarah dan pelajar Sarjana Pentadbitran Awam dari kedua-dua institusi, Universitas Hasanuddin dan Universiti Kebangsaan Malaysia.



Universitas Muslim Indonesia
Fakultas Sastra,
Universitas Muslim Indonesia
19 November 2024

Sesi lawatan penanda aras dari Program Studi Ilmu Komunikasi, Fakultas Sastra, Universitas Muslim Indonesia ke FSSK UKM pada 19 November 2024 bagi mempelajari dan mengetahui kaedah FSSK UKM dalam mengurus pendidikan, membangunkan program pengajian, menjalankan kaedah pengajaran serta pengekalan kualiti pendidikan. Turut di adakan perbincangan mengenai kerjasama bersama antara penyelidikan dan pertukaran pelajar.



Kyungpook National University,
Korea Selatan
21 November 2024

FSSK UKM telah menerima kunjungan daripada Kyungpook National University, Korea untuk membincangkan tentang kerjasama dalam pelbagai bidang khususnya ingin mengadakan kolaborasi bersama Kelab Permata Remaja FSSK dalam pelbagai program.



Universitas Hasanuddin
Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik,
Universitas Hasanuddin, Indonesia
28 November 2024

FSSK UKM telah menerima kunjungan daripada Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Hasanuddin pada 28 November 2024 bagi membincangkan dan membina kerjasama dalam pertukaran pelajar dan pensyarah, kerjasama dalam penyelidikan dan penerbitan bersama serta persidangan antarabangsa.



Universitas Pendidikan Indonesia
Fakultas Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial,
Universitas Pendidikan Indonesia
5 Disember 2024


Lawatan pada 5 Disember 2024 bertujuan untuk membincangkan kerjasama akademik yang boleh dilakukan, seperti penyelidikan & penerbitan bersama serta program pertukaran pensyarah & pelajar, serta membincangkan tentang ruang kolaborasi akademik bersama.



Universiti Sains Malaysia (USM)
Program Sains Politik,
Universiti Sains Malaysia (USM)
5 Disember 2024

Program Sains Politik, Pusat Sejarah Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM telah menerima kunjungan penanda aras dari program Sains Politik, Universiti Sains Malaysia (USM) bagi membincangkan tentang pertukaran pelajar, hal ehwal akademik dan hal ehwal penyelidikan khususnya berkaitan program sains politik.





Diterbitkan di Malaysia oleh
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (online)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia
2024